



**GARIS PANDUAN
ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN
PEGAWAI DAN PEKHIDMAT
LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)**

2025

UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

GARIS PANDUAN ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)

TUJUAN

1. Garis panduan yang bertujuan untuk menjelaskan etiket pakaian dan penampilan yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai dan pekhidmat Lembaga Getah Malaysia (LGM) semasa bertugas.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan mengenai etiket pakaian pegawai dan pekhidmat LGM semasa bertugas dinyatakan dalam Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Tata tertib, Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000, [Akta 605] yang antara lain memperuntukkan seseorang Pegawai dan Pehidmat badan berkanun semasa bertugas hendaklah berpakaian mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh badan berkanun melalui arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Lembaga.

3. Bagi menambah baik dasar dan peraturan sedia ada serta meningkatkan imej dan profesionalisme badan berkanun, satu panduan khusus yang baharu diwujudkan bagi menjelaskan kesesuaian berpakaian dan penampilan pegawai dan pekhidmat LGM semasa bertugas.

Etiket Pakaian Dan Penampilan Pegawai dan Pehidmat LGM

DEFINISI

4. Bagi maksud pemakaian Garis Panduan ini -

- (a) **“batik Malaysia”** bermaksud seni kraf hasil kerja tangan sepenuhnya atau sebahagiannya yang mempunyai motif beridentitikan seni dan budaya masyarakat Malaysia melalui proses pembuatan batik dengan menggunakan lilin batik atau bahan serta teknik halangan warna bagi menghasilkan reka corak;
- (b) **“bertugas”** bermaksud hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan di tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugasnya;
- (c) **“blaus”** bermaksud baju wanita yang longgar dan panjang melebihi paras punggung namun tidak melebihi paras lutut;

- (d) **“Ketua Jabatan”** bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya, dan sesuatu jabatan itu termasuklah:
- i) Sesuatu Bahagian;
 - ii) Sesuatu Unit;
 - iii) Sesuatu Wilayah;
 - iv) Sesuatu Stesen; dan
 - v) Mana-mana entiti lain dalam Lembaga Getah Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (e) **“majlis rasmi”** bermaksud majlis atau program rasmi yang tidak mempunyai elemen istiadat;
- (f) **“pakaian”** bermaksud sesuatu yang dipakai di seluruh badan termasuklah baju, seluar, kasut dan tanda nama;
- (g) **“penampilan”** bermaksud kekemasan, kesopanan, kebersihan dan kesesuaian mengenai perihal kerapian diri, berpakaian dan berdandan;
- (h) **“sedondon”** bermaksud sama warna atau corak pakaian; dan
- (i) **“sepadan”** bermaksud sesuai dipasangkan atau digunakan bersama; dan
- (j) **“pakaian seragam LGM”** bermaksud pakaian yang diluluskan penggunaannya oleh Mesyuarat Pengurusan LGM dari semasa ke semasa.

PELAKSANAAN

A. Pakaian Pegawai dan Pehidmat Lelaki Semasa Bertugas

5. Bagi Pegawai dan Pehidmat lelaki, tatacara berpakaian semasa bertugas adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Pakaian Pegawai dan Pehidmat Lelaki Ketika Menjalankan Tugas

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
(a)	(i) Baju kemeja berlengan panjang bertali leher atau tidak bertali leher dengan seluar panjang dan bertali pinggang	<ul style="list-style-type: none"> • Lengan baju tidak dilipat serta baju kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (<i>tucked in</i>). • Baju kemeja polos atau corak tidak ketara. • Baju dan seluar hendaklah sepadan. • Tali leher hendaklah dipakai mengikut kesesuaian tugas atau majlis.

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
	(ii) Baju kemeja berlengan pendek bertali leher atau tidak bertali leher dengan seluar panjang dan bertali pinggang	<ul style="list-style-type: none"> Baju kemeja polos atau corak tidak ketara dan hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (<i>tucked in</i>) Baju dan seluar hendaklah sepadan. Tali leher hendaklah dipakai mengikut kesesuaian tugas atau majlis.
	(iii) Baju kemeja berlengan panjang atau lengan pendek berkolar Baju Melayu Cekak Musang atau berkolar Nehru atau berkolar Mandarin dengan seluar panjang dan bertali pinggang.	<ul style="list-style-type: none"> Lengan baju tidak dilipat.
	(iv) Sut Nehru	<ul style="list-style-type: none"> Hendaklah sedondon.
	(v) <i>Lounge suit</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dipakai semasa majlis rasmi. Seluar dan jaket hendaklah sedondon.
(b)	<p>(i) Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang atau berlengan pendek.</p> <p>(ii) Baju kemeja batik rasmi LGM.</p> <p>Kolar alternatif baju kemeja batik:</p> <p>(i) berkolar cekak musang; (ii) berkolar Nehru; atau (iii) berkolar Mandarin.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Diwajibkan dipakai pada setiap hari Khamis kecuali jika terdapat urusan/keperluan yang membolehkan pakaian lain digunakan. Digalakkan dipakai pada hari bekerja yang lain. Hanya batik Malaysia atau baju kemeja batik rasmi LGM yang dibenarkan. Seluar batik adalah tidak dibenarkan. Hendaklah dipakai dengan seluar yang sepadan. Lengan baju tidak dilipat serta kemeja hendaklah dilepaskan (<i>tidak tucked in</i>).
(c)	Baju Kebangsaan lengkap dengan sampung dan bersongkok hitam.	<ul style="list-style-type: none"> Digalakkan dipakai pada setiap hari Jumaat. Baju dan seluar hendaklah sedondon.

6. Semua Pegawai dan Pehidmat lelaki hendaklah memakai kasut bertutup, stoking dan tali pinggang berwarna gelap.

7. Contoh bergambar pakaian Pegawai dan Pehidmat lelaki ketika menjalankan tugas adalah seperti di **Lampiran A**.

B. Pakaian Pegawai dan Pehidmat Wanita Semasa Bertugas

8. Bagi Pegawai dan Pehidmat wanita, tatacara berpakaian ketika bertugas adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Pakaian Pegawai dan Pehidmat Wanita Ketika Menjalankan Tugas

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
(a)	Pakaian kebangsaan (baju kurung tradisional/ baju kurung moden/ baju kebaya)	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat. • Tidak mencolok mata.
(b)	Pakaian batik <ul style="list-style-type: none"> • Baju Kurung Batik Malaysia atau Batik Rasmi LGM • Baju kurung tradisional/ kurung moden/ kebaya/ blaus batik dipadankan dengan skirt labuh/ seluar polos • Blaus polos dipadankan dengan skirt labuh batik 	<ul style="list-style-type: none"> • Diwajibkan dipakai pada setiap hari Khamis kecuali jika terdapat urusan/ keperluan yang membolehkan pakaian lain digunakan. • Digalakkan dipakai pada hari bekerja yang lain. • Hanya batik Malaysia atau kurung batik rasmi LGM yang dibenarkan. • Baju dan kain hendaklah sepadan. • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat. • Tidak mencolok mata.
(c)	Pakaian lain iaitu: <ol style="list-style-type: none"> i) Ceongsam; ii) Sari; iii) Baju Punjabi; iv) Pakaian tradisional kaum-kaum yang lain di Malaysia; atau 	<ul style="list-style-type: none"> • Berlengan panjang atau pendek. • Belahan Ceongsam bermula dari paras lutut ke bawah. • Sari hendaklah menutupi bahagian perut dan belakang badan. • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat

JENIS PAKAIAN RASMI		TATACARA
	v) Pakaian jubah adalah dibenarkan untuk majlis tertentu sahaja dengan kebenaran Ketua Jabatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kemas, sopan dan bersesuaian • Tidak mencolok mata.
(d)	Blaus yang digayakan dengan kain/ skirt labuh atau seluar panjang.	<ul style="list-style-type: none"> • Blaus berlengan panjang. • Tidak jarang, tidak nipis atau tidak ketat. • Kain/ skirt labuh yang terbelah tidak dibenarkan. • Blaus dan kain/ seluar panjang hendaklah sepadan. • Kemas, sopan dan bersesuaian.
(e)	Sut dua helai (<i>Two-piece suit</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Jaket dipadankan dengan skirt labuh/ skirt di bawah paras lutut/ seluar panjang. • Skirt/ seluar dan jaket hendaklah sedondon.
(f)	Sut tiga helai (<i>Three-piece suit</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Jaket yang dipakai dengan kemeja lengan panjang dan dipadankan dengan skirt labuh/ skirt di bawah paras lutut/ seluar panjang. • Skirt/ seluar dan jaket hendaklah sepadan.
(g)	Pakaian yang bersesuaian dan sopan bagi pegawai hamil	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak jarang, tidak nipis dan tidak ketat. • Kain/ skirt labuh yang terbelah tidak dibenarkan.

9. Contoh gambar pakaian pegawai wanita ketika menjalankan tugas adalah seperti di **Lampiran B**.

C. Pakaian Semasa Menghadiri Majlis Rasmi

10. Bagi tujuan menghadiri Majlis Rasmi, Pegawai dan Pekhidmat boleh memakai pakaian seperti yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan atau penganjur bagi sesuatu majlis rasmi.

D. Pakaian Seragam

11. Pegawai dan pekhidmat yang disyaratkan memakai pakaian seragam semasa bertugas hendaklah memakai pakaian seragam yang telah dibekalkan itu ketika menjalankan tugas tertakluk kepada perkhidmatan masing-masing.

12. Sebarang penetapan atau pindaan terhadap reka bentuk pakaian seragam hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan daripada Pengurusan LGM terlebih dahulu.

E. Pakaian Lain

13. Pegawai dan pekhidmat diwajibkan memakai Baju Korporat LGM pada setiap hari Isnin dan/atau semasa program/tugasan rasmi di luar LGM. Pemakaian Baju Korporat LGM juga dibenarkan pada setiap hari bekerja **kecuali** pada hari Khamis.

14. Pegawai atau pekhidmat dibenarkan memakai baju kerja lapangan (*field-work*) pada hari tertentu untuk tujuan tertentu semasa bertugas.

15. Contoh gambar pakaian lain (baju korporat atau pakaian seragam LGM) adalah seperti di **Lampiran C**.


16. Ketua Jabatan juga boleh membenarkan Pegawai dan Pekhidmat memakai pakaian selain daripada yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini mengikut kesesuaian tugas dan aktiviti yang hendak dilaksanakan.

17. Pemakaian baju-baju persatuan, unit atau sukan hanya dibenarkan pada hari tertentu untuk tujuan tertentu semasa bertugas sebagai contohnya program persatuan, Bahagian, Unit atau aktiviti gotong-royong.

F. Pemakaian Tanda Nama

18. Setiap Pegawai dan Pekhidmat LGM hendaklah sentiasa memakai tanda nama ketika bertugas berdasarkan ketetapan seperti yang berikut:

- (a) semua tanda nama hendaklah dibuat daripada plastik dengan huruf berwarna putih berlatarbelakangkan hitam dan berukuran 7.5 cm x 2.5 cm seperti contoh di bawah:



- (b) penggunaan nama yang konsisten di tanda nama hendaklah digunakan sepanjang perkhidmatan seperti bagi pegawai yang bernama Raja Nur Amani Aminah, jika pegawai memilih 'Aminah' untuk digunakan sebagai tanda nama, maka pegawai tersebut hendaklah menggunakan nama yang sama sepanjang perkhidmatan pegawai;
- (c) tidak ada had huruf dan saiz yang dikenakan dan sekiranya berlebihan ia hendaklah dipendekkan atau dikecilkan dalam ukuran tanda nama yang telah ditetapkan;
- (d) apa-apa gelaran darjah kebesaran, profesion, nama bapa dan inisial (*initial*) tidak boleh dituliskan;
- (e) nama jawatan tidak boleh dimasukkan dalam tanda nama berkenaan;
- (f) tanda nama hendaklah disematkan di pakaian di bahagian dada sebelah kiri (kecuali bagi pasukan beruniform tertentu); dan
- (g) tanda nama hendaklah diasingkan dari pas keselamatan.

19. Perolehan tanda nama bagi Pegawai dan Pekhidmat lantikan kali pertama dan bagi Bahagian atau Unit yang terpaksa menukar tanda nama bagi mengikut ketetapan di bawah Garis Panduan ini boleh menggunakan peruntukan masing-masing. Kos penggantian tanda nama yang rosak atau hilang hendaklah ditanggung oleh Pegawai dan Pekhidmat.

G. Ketetapan Penampilan Pegawai Awam

20. Semua Pegawai dan Pekhidmat LGM hendaklah sentiasa berketerampilan seperti berikut:

- (a) menepati kesesuaian;
- (b) pakaian sentiasa bersih dan kemas;
- (c) rambut disisir rapi;
- (d) panjang rambut asli tidak mencecah kolar baju (pegawai lelaki);
- (e) janggut dan misai hendaklah dipotong kemas (dirapikan); dan
- (f) bersolek dan berhias yang tidak keterlaluan.

H. Pemakaian Pakaian dan Penampilan Pegawai dan Pehidmat Yang Dilarang

21. Ketua Jabatan boleh menetapkan tatacara pemakaian pakaian dan penampilan yang dilarang mengikut kesesuaian tugas dan aktiviti yang hendak dilaksanakan.

22. Walau apapun ketetapan oleh Ketua Jabatan, Pegawai dan Pehidmat adalah dilarang daripada pemakaian pakaian dan penampilan seperti yang berikut:

- (a) pakaian mencolok mata seperti pakaian yang ketat, terdedah dan jarang sehingga menampakkan bentuk badan dan pakaian dalam;
- (b) pakaian tidak berlengan;
- (c) menutup muka (kecuali pemakaian pelitup muka atas sebab kesihatan);
- (d) pakaian dan aksesori dengan cetakan yang tidak sesuai seperti logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah dan yang seumpamanya;
- (e) pakaian dari jenis *denim* (seperti *jeans* atau jaket), *khakis*, *corduroy*, kulit atau yang seumpamanya;
- (f) selipar, sandal, capal dan kasut sukan (kecuali atas sebab kesihatan atau terdapat keperluan mengikut kesesuaian tugas dan dibenarkan oleh Ketua Jabatan);
- (g) dipadankan dengan aksesori, barang kemas atau perhiasan yang berlebihan;
- (h) dipadankan dengan aksesori yang tidak bersesuaian seperti Pegawai dan Pehidmat lelaki memakai subang;
- (i) dandanan rambut dengan warna yang tidak sesuai bagi Pegawai dan Pehidmat lelaki dan wanita seperti dandanan rambut berwarna merah, biru dan ungu;
- (j) tren rambut *punk*, *qaza'*, *skinhead* atau yang seumpamanya;
- (k) panjang janggut melebihi 2 inci, jambang tidak dirapikan dan misai melebihi bahagian atas bibir;
- (l) mencacah tatu atau menindik secara berlebihan di bahagian badan yang jelas kelihatan (kecuali yang berkaitan dengan adat resam kaum); dan
- (m) berkuku panjang, berwarna atau dihias secara berlebihan.

23. Contoh gambar pakaian yang dilarang adalah seperti di **Lampiran D**.

PEMATUHAN DAN PEMAKAIAN

24. Garis Panduan Etika Pakaian Dan Penampilan Pegawai dan Pekhidmat Lembaga Getah Malaysia ini hendaklah terpakai dan menjadi rujukan dan panduan kepada semua Pegawai dan Pekhidmat LGM sama ada secara lantikan tetap, sementara, kontrak, pinjaman yang dibayar emolumennya oleh LGM.

25. Garis Panduan ini hendaklah berkuat kuasa dan sah digunakan sehingga dipinda atau diganti dengan yang baharu. Garis Panduan ini perlu disemak semula setiap lima (5) tahun sekali mengikut pemakaian semasa.

26. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta 605, Kod Etika dan Tatakelakuan LGM serta peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Kegagalan atau keengganan Pegawai dan Pekhidmat LGM mematuhi Garis Panduan ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

27. Pengarah Bahagian/ Ketua Unit atau Pegawai Penyelia atasan seseorang Pegawai dan Pekhidmat LGM adalah seharusnya memastikan bahawa semua peraturan ini dipatuhi oleh semua Pegawai dan Pekhidmat LGM sepanjang masa bertugas berdasarkan garis dan panduan Etika Pemakaian dan Penampilan Pegawai dan Pekhidmat LGM ini.

28. Sebarang pelanggaran etika hendaklah dibuat teguran oleh pegawai atasan sebagaimana kaedah berikut:

(a) Kali pertama – amaran secara lisan

(b) Kali kedua – amaran secara bertulis untuk rekod Bahagian/Unit

(c) Kali ketiga dan seterusnya – melaporkan kepada Unit Integriti untuk tindakan disiplin selanjutnya

PEMBATALAN

29. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan, Ceraian, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran seperti di bawah adalah **dibatalkan**.

- a) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985: Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Majlis-Majlis Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam;
- b) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006: Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi;
- c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013: Pemakaian *Two/Three - Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja;
- d) Surat Edaran rujukan JPA(S)TT.193/37/Jld.4(77) bertarikh 15 Mac 2005: Galakan Memakai Baju Kebangsaan Pada Hari Jumaat;
- e) Surat Edaran rujukan JPA.100-1/4/1 (13) bertarikh 21 Ogos 2023: Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.
- f) Kenyataan Unit Pembangunan Sumber Manusia Bil. 17 Tahun 2023 – Kod Etika Berpakaian Pegawai dan Pehidmat Lembaga Getah Malaysia (LGM)
- g) Kenyataan Unit Pengurusan Sumber Manusia Bil.2/2017- Pemakaian Baju Korporat LGM
- h) Kenyataan Unit Pengurusan Sumber Manusia bil.28/2016- Pematuhan Etika Berpakaian Pegawai dan Pehidmat Awam
- i) Kenyataan Unit Pengurusan Sumber Manusia Bil.4/2014-Pemakaian *Two/Three-Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja

CONTOH BERGAMBAR ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)

LAMPIRAN A

Pakaian Pegawai Lelaki Ketika Menjalankan Tugas

1. Seluar panjang
dengan baju kemeja
berlengan panjang
bertali leher.



2. *Lounge suit*



3. Seluar panjang
dengan baju kemeja
berlengan pendek.



4. Seluar panjang dan baju kemeja batik Malaysia atau baju kemeja batik rasmi LGM berlengan panjang



5. Baju Kebangsaan lengkap dengan samping dan bersongkok hitam



6. Sut Nehru



7. Seluar panjang dan baju kemeja berlengan panjang:

(i) berkolar Baju Melayu Cekak Musang



(ii) berkolar Nehru



(iii) berkolar Mandarin



8. Seluar panjang dan baju kemeja berlengan panjang dan berjaket:

(i) berkolar Baju Melayu
Cekak Musang



(ii) berkolar
Nehru



(iii) berkolar
Mandarin



Pakaian Pegawai Wanita Ketika Menjalankan Tugas

1. Pakaian kebangsaan rasmi (baju kurung tradisional / baju kurung moden/ baju kebaya).



2. Pakaian Batik



3. Pakaian Ceongsam



4. Pakaian Sari



5. Pakaian Baju Punjabi



6. Blaus yang digayakan dengan skirt labuh atau seluar panjang.



7. Sut dua helai
(*Two-piece suit*)



8. Sut tiga helai
(*Three-piece suit*)



Pakaian lain (baju korporat atau pakaian seragam LGM)

1. Baju Korporat LGM



2. *Safety Suit* LGM



3. Pakaian Makmal (*Lab Coat LGM*)



4. Pakaian Penguatkuasa

i) Baju Seragam Penguatkuasa



ii) Vest Operasi



5. Pakaian MSNR



Pakaian Dan Penampilan Yang Dilarang

1. Pakaian tidak kemas



2. Warna rambut yang tidak sesuai



3. Tren rambut yang tidak sesuai seperti punk, qaza' atau yang seumpamanya



4. Panjang janggut melebihi 3 inci, jambang dan misai tidak dirapikan



5. Menindik secara berlebihan



6. Aksesori yang berlebihan



REKOD PINDAAN DOKUMEN

BIL	NO SEMAKAN (REV)	BUTIR-BUTIR PINDAAN	KELULUSAN	TARIKH KUAT KUASA
1.	1	Pindaan bagi pelaksanaan pemakaian Baju Korporat LGM	MP Bil 6/2026	21 April 2026